

# MENELUSURI ESTETIKA TRADISI LISAN BERLADUH LANANG

*Tracing the Aesthetics of Berladuh Lanang Oral Tradition*

**Wan Robiah Meor Osman**

Centre for Language Studies, Universiti Malaysia Sarawak  
mowrobiah@cls.unimas.my

## **Abstrak**

Masyarakat Melayu Sarawak yang merupakan masyarakat ketiga terbesar di Sarawak terkenal dengan tradisi lisan yang diwarisi turun-temurun. Hal ini boleh dilihat dari segi adat dan budaya yang tercermin melalui aktiviti atau upacara seperti merisik, pertunangan, perkahwinan, mengandung, kelahiran, kematian dan sebagainya. Kehalusan budi dan budaya yang diwarisi ini menjadi simbol jati diri dan keunikan bangsa Melayu Sarawak. Nyanyian tradisi yang popular dalam masyarakat Melayu Sarawak ialah Berladuh Lanang. Nyanyian tradisi ini ialah sebahagian daripada hasil kreativiti yang tercipta secara spontan dan menjadi siulan serta lagu-laguan dalam kalangan masyarakatnya. Nyanyian ini juga sarat dengan nilai estetikanya yang menyelitkan unsur alam dengan mesej kasih sayang dan kesantunan yang mewarnai setiap kata yang dicipta. Oleh itu, karya tradisi harus diangkat, diketengahkan, diteliti dan didokumentasikan keindahan dan keunikannya untuk tontonan serta kebanggaan seluruh ahlinya agar tidak luntur ditelan zaman.

Kata kunci: tradisi oral, Dialek Melayu Sarawak, adat tradisi

## **Abstract**

*The Sarawak Malay community, the third largest community in Sarawak, is well known for their rich inheritance in oral tradition and custom. This may be viewed through the practice of rituals and customs reflected in the cultural activities which include ceremonies like merisik, engagements, weddings, celebrating pregnancy, birth, and death to name a few. This highly cultured customs and rituals became a symbol of cultural identity and the uniqueness of the Sarawak Malay. The Berladuh Lanang is a traditional singing custom and is a reflection of the spontaneous creativity of the Sarawak Malays. It is often whistled among the Malays in most of their cultural songs. This oral tradition is loaded with aesthetic values incorporating natural elements to represent messages of love and politeness throughout the verses. Accordingly, this beautiful tradition should be analysed, featured and presented to the general public in order to showcase its place as the pride of the Sarawak Malays.*

*Keywords: oral tradition, Sarawak Malay dialect, traditional customs*

## **Pendahuluan**

Masyarakat Melayu Sarawak yang merupakan masyarakat ketiga terbesar di Sarawak terkenal dengan tradisi lisan yang diwarisi turun-temurun. Hal ini boleh dilihat dari segi adat

dan budaya yang tercermin melalui aktiviti atau upacara seperti merisik, pertunangan, perkahwinan, mengandung, kelahiran, kematian, dan sebagainya. Kehalusan budi dan budaya yang diwarisi ini menjadi simbol jati diri dan keunikan bangsa Melayu Sarawak. Nyanyian tradisi yang popular dalam masyarakat Melayu Sarawak ialah Berladuh Lanang. Nyanyian tradisi ini ialah sebahagian daripada hasil kreativiti masyarakat tradisional yang tercipta secara spontan dan menjadi siulan serta lagu-laguan dalam kalangan masyarakatnya sehingga menjadi ikutan dari bibir ke bibir, yang akhirnya diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Nyanyian ini juga tidak mempunyai bentuk struktur yang khusus, hanya dipenuhi oleh bait-bait puitis hasil pemerhatian terhadap alam sekeliling dan disulami dengan kreativiti pemikiran masyarakat tersebut. Nyanyian ini sering dilagukan sebagai penghibur hati dan lebih berbentuk hiburan walaupun bait-bait puitisnya adakalanya terselit unsur-unsur nasihat dan panduan kepada yang mendengarnya. Nyanyian ini sering dilagukan semasa perjalanan ke laut dengan menggunakan perahu besar yang biasanya dapat menampung tiga puluh hingga tujuh puluh orang untuk mencari ambal, iaitu sejenis siput yang berbentuk lurus dan panjangnya berukuran tiga inci. Nyanyian ini menjadi sumber hiburan pelaut semasa mengutip ambal bagi menghilangkan kebosanan ketika bekerja. Adakalanya perjalanan untuk ke laut mengambil masa yang agak lama, iaitu kira-kira 3 jam, maka pelaut ini akan mula menyanyikan lagu ini sebagai hiburan (Wan Robiah Meor Osman, & Hamidah Abdul Wahab, 2009).

### Perbincangan

Keunikan dan keindahan lagu Berladuh Lanang ini jelas terpancar daripada bait-bait puitisnya yang menyelitkan unsur-unsur alam seperti rotan, lokan, burung punai, kelapa, rumpai, sawah padi, selasih, dan sebagainya. Keadaan ini menggambarkan kedamaian dan keindahan ciptaan Tuhan yang membentuk muka bumi ini dan diilhamkan rasa kepada masyarakatnya yang mempunyai pemikiran kritis serta kreatif dan akhirnya menghasilkan karya yang bermutu dan bernilai tinggi. Penciptaan nyanyian tradisi ini mencerminkan kehalusan dan ketelitian fikir masyarakat Melayu Sarawak yang mengadunkan unsur-unsur alam yang diserlahkan bersama-sama mesej-mesej kasih sayang yang mendominasi keseluruhan baitnya. Ketinggian akal fikir masyarakat ini terhurai indah dengan tenunan daripada rangkap pertama hinggalah rangkap terakhir yang berkisar tentang aspek kemanusiaan. Selain keindahan bait-baitnya yang puitis dengan sulaman unsur alam, nyanyian ini juga sarat dengan mesej kasih sayang yang mewarnai setiap kata yang dicipta. Kata-kata seperti *sayang, kasih, kekasih, adinda, puan, tuan, abang, ayah, dan bonda* jelas menggambarkan kasih sayang serta budaya santun yang tinggi yang sememangnya tercermin dalam budaya masyarakat Melayu Sarawak, hasil daripada rasa hormat yang terserlah melalui sistem panggilan yang digunakan. Penggunaan sistem panggilan yang dipilih secara teliti dalam nyanyian ini menampakkan ketinggian serta keluhuran santun dalam masyarakat ini. Kesopanan, budi, adat dan budaya berjalan seiring dalam cerminan peri laku masyarakat yang menjadikan elemen-elemen ini sebagai satu simbol jati diri dalam mengangkat dan memartabatkan bangsanya. Nyanyian Berladuh Lanang ini bukan sahaja memperlihatkan mesej kasih sayang dan kesopanan, tetapi menyerlahkan gambaran jati diri bangsa yang dipusakai sejak turun-temurun.

#### **Berladuh Lanang**

Awal dondang lah sayang

Sayang lah sayang

Sayang lah sayang

Sayang Sebandi pasirnya lumat

Pasir becampur si kulit lokan

Sedangkan nabi kasihkan umat

Begitu juak kasihkan tuan

Awal dondang dondang lah sayang  
Sayang lah sayang  
Sayang lah sayang

Rotan tunggal tumbuh di batu  
Tinggi sejengkal di main angin  
Lama ditinggal ayah bondaku  
Baru merasa sejok dan dingin

Aloohop

Seri benian di dalam peti  
Abang segera meniup bangsi  
Memberi heran di dalam hati  
Hidup sengsara rasa nak mati

Sayang mentangor lah aiknya mirah  
Tempatlah orang mencuci gigi  
Mudahan umur dipanjangkan Allah  
Tahunlah baru berjumpa lagi

Tinggal tuan tinggal telasih  
Tinggal mengkodok tinggallah nait  
Tinggallah tuan, tinggal kekasih  
Tinggallah dudok sebaib-bait

Aloohop

Awal dondang dondanglah sayang  
Lah sayang dan sayang

Darilah mana puneil melayang  
Darilah sawah ke batang padi  
Darilah mana kasih dan sayang  
Darilah mata turun ke ati

Awal dondang dondanglah sayang  
Sayang lah sayang  
Sayang dan sayang

Aloohop

Aluk ini aluk belian  
Aluk buatan Raja Pait  
Pilu ati nangga kalan (pengkalan)  
Kalau bekas turun nait

Awal dondang dondanglah sayang  
Lah sayang lah sayang  
Sayang dan sayang

Sayang senuju behiler ke kota  
Dayung menyangkut di dahan rumpai  
Asal nak jujor si air mata  
Mengenang idop tiada sampai

Aloohop

Awal dondang dondanglah sayang  
Lah sayang sayang dan sayang

Aluk ini aluk belian  
Aluk buatan Raja Pait

Pilu ati nangga kalan (pengkalan)  
Kalau bekas turun nait

Nyiurlah gading puncak mahligai  
Anyam ketupat berisi inti  
Acolah dagin tulang beceraai  
Belom dapat belom berenti

Aloohop  
Awal dondang dondanglah sayang  
Lah sayang sayang dan sayang  
Gersik kelapa puan  
Sudah puan kelapak bali  
Sampai hati adinda tuan

Sudah tuan siapa lagik

Apabila memperkatakan tentang budi, adat dan budaya, sering kali bahasa juga terkait sama. Hal ini disebabkan bahasa juga merupakan jambatan dalam memperlihatkan adat dan budaya sesuatu masyarakat sehinggakan wujudnya ungkapan 'Bahasa Jiwa Bangsa', yang menunjukkan bahawa bahasa itu cerminan kepada bangsa tersebut. Maka dalam lagu Berladuh Lanang yang dipusakai oleh masyarakat Melayu Sarawak, unsur-unsur dialek Melayu Sarawak turut terlihat contohnya *aiknya mirah, juak, tinggallah nait, ati nangga*

*kalan, Acolah dagin tulang becerai, idop, lagik*, dan sebagainya. Penggunaan dialek ini merupakan simbol jati diri dan keutuhan bangsa terhadap bahasanya dalam menghasilkan sesuatu karya. Sesuatu bahasa akan digunakan oleh masyarakat penuturnya dalam melahirkan rasa dan fikir. Hal ini disebabkan seseorang penutur berkecenderungan untuk menggunakan bahasa yang dekat dengannya dalam menyampaikan hasrat, mesej, luahan rasa dan fikir yang dirasakan lebih telus dan bermakna, berbanding bahasa yang jauh dan asing. Oleh itu, dalam nyanyian tradisi ini unsur-unsur dialek Melayu Sarawak menjadi salah satu medium perantara mesej-mesej yang ingin disampaikan oleh si penciptanya selain bahasa Melayu standard.

Nyanyian tradisi yang diteliti ini merupakan versi masyarakat Kampung Bangka Semong dan lagu ini sebenarnya mempunyai pelbagai versi dan variasinya yang tersendiri. Salah satu contoh ialah dalam masyarakat Melayu di Brunei yang juga mempunyai versi 'Lanang Beladu Lanang' yang menyerlahkan daya kreativiti dan ketinggian akal budi masyarakatnya dengan memanfaatkan dialek Melayu Brunei dalam sulaman tradisi lisan ini (Mohd Azurin Othman, 2008).

### **Rumusan**

Tradisi Lisan Berladuh Lanang yang dipusakai oleh masyarakat Melayu Sarawak menjadi satu kebanggaan suatu ketika dahulu. Kini nyanyian ini mulai pudar ditelan masa dan arus kemodenan. Masyarakat Melayu Sarawak yang ke laut kini tidak lagi mahu mengalunkan nyanyian tradisi ini, nyanyian-nyanyian moden mulai mengambil alih dan meniti di bibir anak-anak muda. Nyanyian tradisi ini hanya dilagukan apabila wujud permintaan memenuhi ruang-ruang kajian untuk didokumentasikan. Kebanyakan masyarakatnya yang sudah berusia juga hampir-hampir terlupa dengan bait-bait yang menjadi siulan semasa muda. Betapa nyanyian tradisi ini makin jauh daripada masyarakat yang menciptanya. Seharusnya, budaya dan adat dipegang dan digilap dari semasa ke semasa agar terus menjadi khazanah berharga dan ikutan masyarakat. Oleh itu, untuk memartabatkan bangsa, maka karya tradisi harus diangkat dan diletakkan ke tempat yang sesuai agar keindahan dan keunikannya itu menjadi tontonan serta kebanggaan seluruh ahlinya yang mewarisi adat dan budaya tradisi tersebut.

### **Penghargaan**

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada kepada informan yang telah memberikan maklumat berkenaan nyanyian tradisi, iaitu Tuan Haji Abg. Latip bin Abg. Tasdi, 61 tahun, ketua Kampung Bangka Semong, Tuan Haji Sani bin Haji Mon, 68 tahun, Rabaiyah Bt Mokhtar, 60 tahun, Puan Sa'adiah Bt Suntain, 55 tahun dan Hajah Piah Bt Mohamad, 50 tahun. Dan rasa terima kasih juga diberikan kepada rakan penyelidik iaitu Puan Rosnah Mustafa dan Puan Hamidah Abdul Wahab atas usaha bersama-sama mendapatkan data nyanyian ini.

### **Rujukan**

Mohd Azurin Othman. (2008, Januari). Telaah koleksi pantun Lanang Beladu Lanang: Terposisikah Dialek Melayu Brunei. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dialek-dialek Austronesia di Nusantara II*, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.

Wan Robiah Meor Osman, & Hamidah Abdul Wahab. (2009, Mac). Nyanyian tradisi masyarakat Melayu Sarawak: Kajian nilai dan budaya. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pertemuan Linguistik Utara (PLU-6)*, Masyarakat Linguistik Utara (MLU), Program Linguistik Pascasarjana USU Medan dan Balai Bahasa Medan.